

12 OCT 1997

Marina-stigma

PROGRAM UNTUK KIKIS STIGMA DALAM DIRI BEKAS PENAGIH DAN PENGHIDAP AIDS

KUALA LUMPUR, 12 Okt (Bernama) -- Majlis Aids Malaysia bercadang melaksanakan strategi "serampang dua mata" secara meluas dalam usaha menghapuskan "stigma" ke atas bekas penagih dadah agar mereka diterima oleh masyarakat tanpa sebarang prasangka.

Presidennya, Datin Paduka Marina Mahathir berkata selain pendidikan berterusan, program-program kesedaran mengenai HIV dan penyakit AIDS, terutamanya yang membabitkan masyarakat, akan disusun.

Sebagai contoh, katanya, majlis itu akan mengadakan program perbincangan hujung minggu yang membabitkan pelbagai peringkat masyarakat, termasuk pelajar sekolah, di mana mereka akan diberi peluang membincangkan apa yang mereka faham dan tahu mengenai HIV dan AIDS.

Program seumpama itu perlu dijalankan kerana masyarakat mempunyai stigma yang tinggi ke atas bekas penagih, terutamanya yang disahkan membawa kuman HIV, katanya selepas majlis sambutan ulangtahun kedua Projek Bakti Kasih anjuran Persatuan Pengasih Malaysia di Chow Kit di sini, hari ini.

Marina berkata hanya menerusi program yang menitikberatkan pemahaman yang tinggi di kalangan masyarakat mengenai HIV dan AIDS bekas penagih dan pembawa kuman HIV itu dapat meneruskan hidup seperti biasa.

Katanya, ramai bekas penagih yang enggan tampil untuk bercakap mengenai pengalaman mereka dalam majlis-majlis umum yang diadakan bagi menimbulkan kesedaran masyarakat terhadap gejala dadah kerana mempunyai perasaan yang sama.

Marina berkata Majlis itu juga kesal dengan sikap kebanyakan sektor swasta yang enggan menerima bekas penagih sebagai pekerja mereka.

Katanya, sekiranya syarikat-syarikat itu menunjukkan sikap yang negatif terhadap golongan itu, usaha memulihkan mereka tidak akan berjaya sepenuhnya kerana mempunyai pekerjaan adalah sebahagian dari proses pemulihan yang perlu dilalui bekas-bekas penagih.

"Dengan tidak memberi mereka pekerjaan, akan wujud vakum dalam proses pemulihan diri mereka yang harus dijalankan secara berterusan kerana kemungkinan bekas penagih kembali menagih adalah amat tinggi," tegasnya.

Sebelum itu, dalam ucapannya, Marina berkata masyarakat harus mengubah sikap mereka terhadap golongan berkenaan kerana golongan ini sanggup menghadapi pelbagai dugaan untuk mengubah diri mereka.

"Mereka sanggup melalui ranjau onak dan duri untuk merobah diri mereka. Pada pandangan saya, golongan itu mempunyai lebih banyak "advantage" daripada kebanyakan masyarakat lain kerana mereka sedar apa maknanya kehidupan dalam serti kata sebenarnya," katanya.

Pada majlis itu, Marina mengalungkan pingat kepada enam orang bekas penagih yang telah pulih. -- BERNAMA

RA WAT